

Malaysia-Jepun bekerjasama bantu PKS

SHAH ALAM: Kerjasama antara Malaysia-Jepun dalam membantu industri pembuatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan menerima pakai teknologi pembuatan pintar, memasuki fasa kedua melibatkan pemadanan perniagaan dan penciptaan pameran teknologi Industri 4.0 antara penyedia penyelesaian Jepun dan PKS.

Malaysia melalui SIRIM Berhad, bersama-sama Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO) Kuala Lumpur, telah bekerjasama untuk menyokong pengenalan pembuatan pintar dan teknologi yang melibatkan Industri 4.0 Jepun kepada PKS tempatan dalam sektor pembuatan sejak 2019.

Dalam kenyataan bersama, SIRIM dan JETRO berkata, berikutan kejayaan bengkel pertama pemadanan perniagaan yang di-



SEBAHAGIAN daripada PKS yang menyertai program pengenalan pembuatan pintar dan teknologi maya anjuran SIRIM-JETRO.

lakukan secara atas talian pada 25 Mac 2021, bengkel kedua telah diadakan secara maya pada 9 Mac

lalu, yang mendapat pengiktirafan Kedutaan Jepun di Malaysia sebagai satu daripada program

Sambutan Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur.

Tujuh penyedia penyelesaian Jepun yang menyertai bengkel berkenaan adalah Fujitsu (Malaysia) Sdn. Bhd., Hitachi Asia (Malaysia) Sdn. Bhd., KDDI Malaysia Sdn. Bhd., NEC Corporation of Malaysia Sdn. Bhd., Mitsubishi Electric Sales Malaysia Sdn. Bhd., Murata Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd., dan Yokogawa Electric (Malaysia) Sdn. Bhd.

“Sebanyak lapan PKS tempatan dari pelbagai industri pembuatan telah menyertai bengkel sehari itu, di mana 21 sesi pemadanan perniagaan telah diadakan. PKS tempatan yang telah mengaplikasi dan menerima laporan Penilaian Kesediaan Industry4WRD telah menunjukkan minat dalam menggunakan pakai teknologi Jepun daripada penyedia penyelesaian berkenaan,” jelas kenyataan itu.

Jelas kenyataan itu lagi, keraja-an melalui Industry4WRD: Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bertujuan memacu transformasi digital ke arah pembuatan dan sektor perkhidmatan yang berkaitan di Malaysia.

Katanya, untuk pameran yang berjaya dipadankan, PKS layak untuk memohon insentif yang diberikan oleh kerajaan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk mengguna pakai teknologi Industri 4.0 yang relevan.

“Fasa ketiga dan fasa terakhir kerjasama ini akan melibatkan majlis pemadanan perniagaan dalam skala besar dan ia terbuka kepada semua sektor pembuatan Malaysia dan penyedia penyelesaian Jepun,” jelasnya.